

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	14/2/2011

Pandangan Dr. Mahathir sedarkan orang Melayu - NGO

KUALA LUMPUR 13 Feb. - Beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) mengakui kebenaran kenyataan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad bahawa orang Melayu kini dalam dilema besar dalam menjaga kepentingan kaum sendiri.

Presiden Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (Perkasa), Datuk Ibrahim Ali berkata, ia adalah kenyataan yang perlu diterima oleh orang Melayu sendiri.

Katanya, walaupun pahit, pandangan Dr. Mahathir itu bertujuan memastikan orang Melayu bersatu semula dan bangkit bagi mempertahankan hak dan kepentingan mereka tanpa menjejaskan hak kaum lain.

"Tiada sebab kita takut bersatu dan bersuara tentang hak kita. Kita



bersuara mengenai orang Melayu dan bumiputera kerana ia jelas termaktub dalam Perlembagaan.

"Jadi kenapa kita perlu takut kepada golongan yang mempersoalkan hak kita. Apa yang penting kini ada-

lah orang Melayu sendiri perlu bersikap berani," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Dr. Mahathir ketika menyampaikan ucapan pada Simposium Dilema Melayu anjuran Persatuan Alumni Aspirasi Semalaysia (Aspirasi) semalam.

Menurut bekas Perdana Menteri itu, orang Melayu selalunya malu alah kepada bangsa lain dan tidak berani menyebut perkara yang benar dan perkara tersebut merugikan mereka kerana ia bukan bertujuan merampas hak kaum lain.

Dr. Mahathir berkata, sekiranya orang Melayu terus bersikap demikian maka kedudukan kaum itu sendiri akan terhakis.

Sementara itu, Presiden Majlis Belia Malaysia (MBM), Mohamed Ma-

liki Mohamed Rapiee pula berkata, kenyataan Dr. Mahathir itu berdasarkan pengalaman bekas Perdana Menteri itu sendiri selama memimpin negara.

Katanya, dari segi ekonomi, orang Melayu dilihat masih ketinggalan dan dalam soal politik pula, mereka kini didapati semakin tertekan dengan kegagalan untuk bersatu sesama sendiri.

"Jika dilihat dari segi politik pun, penyatuan orang Melayu kini sudah pecah kepada beberapa kelompok. Walaupun kita majoriti, penyatuan kita sudah menjadi kecil dan kita sama sekali tidak boleh menyalahkan kaum lain.

"Orang Melayu perlu membuka mata dan minda serta berpandangan ke depan tentang perkara ini selain

mencari jalan untuk mengatasi situasi tersebut," katanya.

Bagi Presiden Persatuan Pedagang dan Pengusaha Melayu Malaysia (Perdasama), Datuk Moehamad Izat Emir pula, orang Melayu terutama generasi muda kini perlu menjadi lebih berani dan yakin terhadap diri mereka sendiri sekiranya mahu mencapai kejayaan.

"Apa yang diperkatakan Dr. Mahathir itu memang ada benarnya dan kita tidak malu untuk mengakuinya kerana memang benar dari segi ekonomi, kita masih banyak ketinggalan.

"Namun ia tidak bermakna kita perlu terima bulat-bulat nasib itu. Yang perlu ialah kita terap keyakinan yang lebih tinggi terutama di kalangan orang muda supaya tidak gentar mencapai kejayaan," katanya.